UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
School of Professional and Continuing Education (SPACE)

**FINAL EXAMINATION / *PEPERIKSAAN AKHIR***
**SEMESTER 2 – SESSION 2018/2019**
**PROGRAM KERJASAMA**

| | | |
|---|---|---|
| COURSE CODE<br>*KOD KURSUS* | : | DDWW2513 |
| COURSE NAME<br>*NAMA KURSUS* | : | TAXATION 1<br>*PERCUKAIAN 1* |
| YEAR / PROGRAMME<br>*TAHUN / PROGRAM* | : | 2 DDWW |
| DURATION<br>*TEMPOH* | : | 2 HOURS 30 MINUTES / *2 JAM 30 MINIT* |
| DATE<br>*TARIKH* | : | APRIL 2019 |

INSTRUCTION / *ARAHAN* : Answer all questions in the answer booklet provided.
*[Jawab semua soalan di dalam buku jawapan yang disediakan.]*

(You are required to write your name and your college's name on your answer script)
*(Pelajar dikehendaki tuliskan nama dan nama kolej pada skrip jawapan)*

| | | |
|---|---|---|
| NAME / *NAMA PELAJAR* | : | ........................................ |
| I.C NO. / *NO. K/PENGENALAN* | : | ........................................ |
| YEAR / COURSE<br>*TAHUN / KURSUS* | : | ........................................ |
| COLLEGE NAME<br>*NAMA KOLEJ* | : | ........................................ |
| LECTURER'S NAME<br>*NAMA PENSYARAH* | : | ........................................ |

This examination paper consists of 12 pages including the cover
*Kertas soalan ini mengandungi 12 muka surat termasuk kulit hadapan*

## PUSAT PROGRAM KERJASAMA

# PETIKAN DARIPADA PERATURAN AKADEMIK
## ARAHAN AM - PENYELEWENGAN AKADEMIK

### 1. SALAH LAKU SEMASA PEPERIKSAAN

1.1 Pelajar tidak boleh melakukan mana-mana salah laku peperiksaan seperti berikut :-

1.1.1 memberi dan/atau menerima dan/atau memiliki sebarang maklumat dalam bentuk elektronik, bercetak atau apa jua bentuk lain yang tidak dibenarkan semasa berlangsungnya peperiksaan sama ada di dalam atau di luar Dewan Peperiksaan melainkan dengan kebenaran Ketua Pengawas; atau

1.1.2 menggunakan makluman yang diperolehi seperti di atas bagi tujuan menjawab soalan peperiksaan; atau

1.1.3 menipu atau cuba untuk menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu semasa berlangsungnya peperiksaan; atau

1.1.4 lain-lain salah laku yang ditetapkan oleh Universiti (seperti membuat bising, mengganggu pelajar lain, mengganggu Pengawas menjalankan tugasnya).

### 2. HUKUMAN SALAH LAKU PEPERIKSAAN

2.1 Sekiranya pelajar didapati telah melakukan pelanggaran mana-mana peraturan peperiksaan ini, setelah diperakukan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Fakulti dan disabitkan kesalahannya, Senat boleh mengambil tindakan dari mana-mana satu yang berikut :-

2.1.1 memberi markah SIFAR (0) bagi keseluruhan keputusan peperiksaan kursus yang berkenaan (termasuk kerja kursus); atau

2.1.2 memberi markah SIFAR (0) bagi semua kursus yang didaftarkan pada semester tersebut.

2.2 Jawatankuasa Akademik Fakulti boleh mencadangkan untuk diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999 bergantung kepada tahap kesalahan yang dilakukan oleh pelajar.

2.3 Pelajar yang didapati melakukan kesalahan kali kedua akan diambil tindakan seperti di perkara 2.1.2 dan dicadang untuk diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999.

**QUESTION 1 [*SOALAN 1*]**

Mr. Takuya Kimura, a Japan citizen, came to Malaysia for the purpose of managing the operations of branch company. His period of stay in Malaysia was as follows: - [*Encik Takuya Kimura, seorang warganegara Jepun, telah datang ke Malaysia bagi tujuan mengurus operasi cawangan syarikat. Tempoh menetap beliau di Malaysia adalah seperti berikut:-*]

| | |
|---|---|
| 21/08/2013 – 20/12/2013 | Malaysia |
| 21/12/2013 – 05/10/2014 | Japan |
| 06/10/2014 – 31/12/2015 | Malaysia |
| 01/01/2016 – 30/06/2016 | Hong Kong, Attending a course related to his work [*Menghadiri kursus yang berkaitan dengan kerja*]) |
| 01/07/2016 – 16/12/2016 | Malaysia |
| 17/12/2016 – 31/12/2016 | Vietnam (For a holiday [*Untuk percutian*]) |
| 01/01/2017 - 31/12/2017 | Japan |
| 01/01/2018 – 05/04/2018 | Malaysia |
| 06/04/2018 – 24/04/2018 | Korea |
| 25/04/2018 – 31/05/2018 | Malaysia |

**Required [*Dikehendaki*]:**

a) Determine the residence status of Mr. Takuya Kimura for the year of assessment 2013 until 2018 [*Pastikan status mastautin En.Takuya Kimura untuk tahun taksiran 2013 sehingga 2018*]. [18M]

b) List down **two** (2) examples of temporary absence form part of the 182 consecutive days and short period. [*Senaraikan **dua** (2) contoh ketiadaan sementara yang merupakan sebahagian daripada 182 hari berturut-turut dan tempoh yang singkat.*] [2M]

[TOTAL [*JUMLAH*] 20M]

**QUESTION 2 [*SOALAN 2*]**

Shima commenced her career as a finance executive at Beauty Lina Berhad since 1 July 2001. On 30 November 2018, due to some reasons (other than ill-health), her employment was terminated by the employer. She was 47 years old at the time of termination. Beauty Lina Berhad paid her a gratuity of RM100,000 in the basis year 2018. [*Shima memulakan kerjayanya sebagai eksekutif kewangan di Beauty Lina Berhad sejak 1 Julai 2001. Pada 30 November 2018, atas alasan-alasan tertentu (selain dari masalah kesihatan), dia diberhentikan kerja oleh majikannya. Dia berumur 47 tahun sewaktu diberhentikan. Beauty Lina Berhad membayar gratuiti bernilai RM100,000 pada tahun asas 2018.*]

Below are the details of her remuneration as well as benefits received from the company in the basis year 2018 [*Berikut adalah maklumat tentang penggajian dan faedah yang diterima daripada syarikat dalam tahun asas 2018*]:

i. Monthly net salary of RM4,450. [*Gaji bersih bulanan ialah RM4,450*]

ii. Bonus equivalent to 3 months of salary [*Bonus bersamaan 3 bulan gaji*]

iii. Entertainment and travelling allowance of RM500 and RM600 per month. [*Elaun keraian dan perjalanan sebanyak RM500 dan RM600 sebulan*]

iv. Medical bills of RM1,500 paid by employer. [*Bil perubatan RM1,500 dibayar oleh majikan*]

v. Beauty Lina Berhad offered Shima the option to purchase 1,000 of Beauty Lina's shares at RM2.00 per share although the current market price was RM5.00 per share. Shima accepted the option and purchased the 1,000 shares on 30.09.2018 when the market price was RM7.00 per share. [*Beauty Lina Berhad menawarkan opsyen pembelian 1,000 saham syarikat kepada Shima pada harga RM2.00 sesaham walaupun harga pasaran saham tersebut adalah RM5.00 sesaham. Shima menerima tawaran tersebut dan membeli 1,000 saham syarikat tersebut pada 30.09.2018 ketika harga pasaran adalah RM7.00 sesaham*].

vi. A new car was provided by the employer. The car was purchased in 2015 at a cost of RM158,000. Shima used the car until end of November 2018. [*Sebuah kereta baru disediakan oleh majikannya. Kereta dibeli pada 2015 pada kos RM158,000. Shima menggunakannya sehingga November 2018*]

vii. A fully furnished house was provided since 2012 until 30 November 2018. The monthly rental of RM1,000 (not including value of furniture RM300) was paid by the employer.

*[Sebuah rumah berperabut penuh disediakan sejak 2012 sehingga 30 November 2018. Sewa bulan adalah RM1,000 (tidak termasuk nilai perabut RM300) dibayar oleh majikan.]*

viii. Reimbursement of RM600 per month being monthly salary of a maid employed by Shima until 30 November 2018. *[Pembayaran semula RM600 sebulan untuk gaji seorang pembantu rumah yang digajikan oleh Shima sehingga 30 November 2018.]*

ix. A gardener was provided with a monthly salary of RM550 until 30 November 2018. *[Seorang tukang kebun disediakan dengan gaji bulanan RM550 sehingga 30 November 2018.]*

x. The company paid monthly subscription of RM200 being corporate membership in a recreation club until 30 November 2018. *[Syarikat membayar langganan bulanan RM200 untuk keahlian korporat sebuah kelab rekreasi sehingga 30 November 2018.]*

xi. On 15 August 2018, Shima went to Sabah for a holiday. RM3,000 for air ticket and RM2,500 for food and accommodation. *[Pada 15 Ogos 2018, Shima pergi ke Sabah untuk bercuti. RM3,000 untuk tambang dan RM 2,500 untuk makan dan penginapan.]*

xii. Shima produced entertainment bills totaling RM10,500 which were fully spent in carrying out her duties. *[Shima menyerahkankan bil keraian sebanyak RM10,500 yang dibayar penuh semasa menjalankan tugasnya.]*

**Required [*Dikehendaki*]:**

a. Compute the statutory employment income of Shima for the year of assessment 2018. *[Kira pendapatan penggajian berkanun bagi Shima untuk tahun tafsiran 2018.]* [20M]

b. State **three** (3) circumstances an employee receiving gratuity on retirement from employment would be exempted from income tax. *[Nyatakan **tiga** (3) keadaan di mana seorang pekerja yang menerima gratuiti pada persaraannya dikecualikan daripada cukai.]* [3M]

c. State **two** (2) advantages of employment income compared to business income. *[Nyatakan **dua** (2) kelebihan pendapatan penggajian jika dibandingkan dengan pendapatan perniagaan]*. [2M]

[TOTAL [*JUMLAH*] 25M]

**QUESTION 3 [*SOALAN 3*]**

Cik Asmidah is the owner of Asmidah Trading in Kulai Johor. The business closes its account annually to 31 December. She seek advice from you as a tax agent on the computation of capital allowance for the asset used in her business as follows [*Miss Asmidah adalah pemilik Asmidah Trading di Kulai Johor. Perniagaan menutup akaun tahunan pada 31 Disember. Beliau mendapatkan khidmat nasihat dari anda sebagai agen cukai berkenaan dengan pengiraan elaun modal untuk aset yang digunakan dalam perniagaannya seperti berikut:*]

1. Computer [*Komputer*]

A new computer was purchased on 30 March 2017 at a cost RM2,200 [*Sebuah computer baru dibeli pada 30 Mac 2017 pada kos RM2,200*].

2. Office equipment [*Peralatan pejabat*]

An office equipment costing RM25,000 was brought into business use on 15 March 2017. this asset was previously used in Cik Asmidah's partnership business in Singapore. The carrying amount and the market value of office equipment at the date of transfer were RM10,000 and RM18,000 [*Sebuah peralatan pejabat dengan kos RM25,000 dipindahkan untuk kegunaan perniagaan pada 15 Mac 2017. Aset ini asalnya digunakan oleh Cik Asmidah dalam perniagaan perkongsiannya di Singapura. Nilai bawaan dan nilai pasaran peralatan pejabat ini pada tarikh pindahan adalah RM10,000 dan RM18,000 masing-masing.*]

3. Machinery [Mesin]

The business acquired a machinery on 1 September 2017 at RM100,000. The installation cost and cost of preparing a site for such installation amounted RM10,000 and RM15,000 respectively [*Perniagaan ini membeli sebuah mesin pada 1 September 2017 pada RM100,000. Kos pemasangan dan penyediaan tapak untuk pemasangan seumpamanya berjumlah RM10,000 dan RM15,000 masing-masing.*]

4. Motor vehicle [*Kenderaan bermotor*]

A new motor car which cost RM120 000 has been wholly used by Cik Asmidah's trader business since its acquisition on 12 January 2016 [*Sebuah kereta baru dengan kos RM120,000 telah digunakan sepenuhnya oleh perniagaan dagangan Cik Asmidah sejak permulaan pembeliannya pada 12 Januari 2016*].

On 21 November 2018, Cik Asmidah traded in the motor car for a new van to be wholly used in her business. Details are as follows [*Pada 21 November 2018, Cik Asmidah menjual kereta*:]

| | RM |
|---|---|
| Cost of the van [*Kos van*] | 110 000 |
| Cash deposit [*Deposit tunai*] | (2 000) |
| Trade-in value of the motor car [*Nilai jualan balik kereta*] | (60 000) |
| Hire purchase loan (excluding interest) [*Pinjaman sewa beli (tidak termasuk faedah)*] | 48 000 |
| Total number of instalments [*Jumlah bilangan ansuran*] | 24 |
| Date of first instalment [*Tarikh pembayaran pertama*] | 1 December 2018 |

**Required [*Dikehendaki*]:**

Compute the capital allowances, balancing charge and balancing allowance (if any) for all the relevant years of assessment up to 2018. [*Kira elaun modal, caj imbangan dan elaun imbangan (jika ada) untuk semua tahun berkaitan sehingga tahun 2018*]. [25M]

**QUESTION 4 [*SOALAN 4*]**

Dr. Selena is a single mother and working as an Assistant Professor at a private university in Sarawak. She divorced with her husband last year and according to the court order, Selena is given the full custody of their three children. She also receives monthly alimony of RM1,000 from her former husband. [*Dr. Selena merupakan seorang ibu tunggal dan bekerja sebagai Pembantu Profesor di sebuah universiti swasta di Sarawak. Beliau telah bercerai dengan suaminya pada tahun lepas dan menurut perintah mahkahmah, Selena diberi hak penjagaan penuh terhadap tiga orang anak mereka. Beliau juga menerima alimoni bulanan sebanyak RM1,000 daripada bekas suaminya.*]

Selena's remunerations and benefits for the year ended 31 December 2018 are as follows: [*Imbuhan dan faedah yang diterima oleh Selena bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti yang berikut :*]

| | RM |
|---|---|
| Salary [*Gaji*] | 72,000 |
| Allowances [*Elaun*] | 24,000 |
| Bonus [*Bonus*] | 6,000 |
| EPF contribution [*Potongan KWSP*] | 9,240 |
| Medical and dental benefits [*Faedah perubatan dan pergigian*] | 1,500 |

She also own a food outlet business, namely Laksa Sarawak Nyamai. The food outlet is located in Kuching and managed by her brother, who is also the chef. The information related to business income from Laksa Sarawak Nyamai is as follows: [*Beliau juga mempunyai sebuah perniagaan kedai makanan iaitu, Laksa Sarawak Nyamai. Kedai makanan tersebut terletak di Kuching dan diuruskan oleh abangnya, yang juga merupakan seorang tukang masak. Maklumat berkaitan pendapatan perniagaan daripada Laksa Sarawak Nyamai adalah seperti yang berikut:*]

| | |
|---|---|
| Adjusted income [*Pendapatan terlaras*] | RM20,000 |
| Capital allowance for year of assessment 2018 [*Elaun modal bagi tahun taksiran 2018*] | RM4,000 |

Selena also has a rental income (adjusted) amounting RM6,000. [*Selena juga mempunyai pendapatan sewa (terlaras) berjumlah RM6,000.*]

During the year 2018, she received royalty income of RM25,000 from publication of her book. Besides that, she also received RM15,000 translation fees on translation of literary work at the special request of the Ministry of Education. [*Pada tahun 2018, beliau menerima pendapatan*

*royalti sebanyak RM25,000 daripada penerbitan bukunya. Di samping itu juga, beliau menerima bayaran terjemahan berjumlah RM15,000 untuk penterjemahan karya sastera yang diminta khas oleh Kementerian Pendidikan.*]

Selena has provided the following additional information in respect of the year ended 31 December 2018: [*Selena telah memberi maklumat tambahan berikut bagi tahun berakhir 31 Disember 2018.*]

1. Children under custody [*Anak dibawah jagaan*]:

| | |
|---|---|
| Justin | 9 years old, studying at Tunku Putra School, Kuching, Sarawak. [*9 tahun, belajar di Sekolah Tunku Putra, Kuching, Sarawak.*] |
| Hailey | 5 years old, studying at Smart Reader Kids Kindergarten. [*5 tahun, belajar di Tadika Smart Reader Kids*] |
| Ariana | 1 year old infant [*Bayi berumur setahun*] |

2. Purchase of breastfeeding equipment amounting RM1,200. [*Beli alatan menyusu berjumlah RM1,200.*]

3. Kindergarten fees for Hailey amounting RM3,500. [*Yuran tadika untuk Hailey berjumlah RM3,500.*]

4. Insurance premium paid for the year [*Premium insurans dibayar untuk tahun tersebut*]:

| | RM |
|---|---|
| Life insurance for herself [*Insurans nyawa untuk diri sendiri*] | 3,600 |
| Medical insurance for herself [*Insurans perubatan untuk diri sendiri*] | 1,800 |
| Education insurance for Justin and Hailey [*Insurans pendidikan untuk Justin dan Hailey*] | 3,600 |

5. Purchase of a new laptop amounting RM3,250 and books costing RM500. [*Beli komputer riba baru berjumlah RM3,250 dan buku-buku berjumlah RM500.*]

6. Selena also taking care of her ill mother, aged 70, who is suffering from dementia. Selena spent the following expenses for her mother: [*Selena juga menjaga ibunya yang sakit, berumur 70 tahun yang menghidap dementia. Selena telah membelanjakan perbelanjaan yang berikut untuk ibunya:*]

| | RM |
|---|---|
| Parental care [*Kos penjagaan untuk ibu*] | 2,000 |
| Medical expenses [*Perbelanjaan perubatan*] | 3,550 |
| Wheel chair [*Kerusi roda*] | 1,000 |

7. Selena also made the following donation: [*Selena turut membuat derma seperti yang berikut:*]

| | RM |
|---|---|
| Cash donation to old folks home (approved institution) [*Derma tunai ke rumah orang tua (institusi sah)*] | 3,500 |
| Cash donation to orphanage home (approved institution) [*Derma tunai ke rumah anak-anak yatim (institusi sah)*] | 3,500 |
| Cash donation to local church [*Derma tunai ke gereja tempatan*] | 1,500 |

**Required [*Dikehendaki*]:**

a. Compute the income tax payable by Dr. Selena for the year of assessment 2018. Please indicate "Exempt", "Nil" or "Restricted to", whenever relevant. *[Kira cukai pendapatan dibayar oleh Dr. Selena bagi tahun taksiran 2018. Sila nyatakan "Dikecuali", "Tiada" atau "Terhad kepada" yang mana relevan.]* [25M]

b. Briefly explain the **two (2)** income tax rebates that applicable to married resident individual for the year of assessment 2018. [*Terangkan secara ringkas* ***dua (2)*** *rebat cukai pendapatan bagi individu pemaustatin yang sudah berkahwin bagi tahun taksiran 2018.*] [2M]

c. Briefly explain the **two** (2) qualifying criteria to claim wife relief [*Terangkan secara ringkas* ***dua*** *(2) syarat kelayakan untuk menuntut pelepasan isteri*] [2M]

d. What is the due date for Dr Selena to submit her tax return? [*Apakah tarikh akhir untuk Dr Selena menyerahkan borang cukainya?*] [1M]

[TOTAL [*JUMLAH*] 30M]

-END OF QUESTIONS [*SOALAN TAMAT*]-

Appendix I *[ Lampiran I]*

Tax Rate *[Kadar Cukai]*

| | | YA 2017/2018 | |
|---|---|---|---|
| Chargeable Income<br>*[Pendapatan Bercukai]* | RM | Tax Rate<br>*[Kadar Cukai]* (%) | Income Tax Payable<br>*[Cukai Dibayar]*(Rm) |
| First *[Ringgit Pertama]*<br>Next *[Ringgit seterusnya]* | 2,500<br>2,500 | 0<br>0 | 0<br>0 |
| On *[Ringgit pertama]*<br>Next *[Ringgit seterusnya]* | 5,000<br>15,000 | 1 | 0<br>150 |
| On *[Ringgit pertama]*<br>Next *[Ringgit seterusnya]* | 20,000<br>15,000 | 5 | 150<br>750 |
| On *[Ringgit pertama]*<br>Next *[Ringgit seterusnya]* | 35,000<br>15,000 | 10 | 900<br>1500 |
| On *[Ringgit pertama]*<br>Next *[Ringgit seterusnya]* | 50,000<br>20,000 | 16 | 2,400<br>3,200 |
| On *[Ringgit pertama]*<br>Next *[Ringgit seterusnya]* | 70,000<br>30,000 | 21 | 5,600<br>6,300 |
| On *[Ringgit pertama]*<br>Next *[Ringgit seterusnya]* | 100,000<br>150,000 | 24 | 11,900<br>36,000 |
| On *[Ringgit pertama]*<br>Next *[Ringgit seterusnya]* | 250,000<br>150,000 | 24.5 | 47,900<br>36,750 |
| On *[Ringgit pertama]*<br>Next *[Ringgit seterusnya]* | 400,000<br>200,000 | 25 | 83,650<br>50,000 |
| On *[Ringgit pertama]*<br>Next *[Ringgit seterusnya]* | 600,000<br>400,000 | 26 | 133,650<br>104,00 |
| On *[Ringgit pertama]*<br>Next *[Ringgit seterusnya]* | 1,000,000<br>............ | 28 | 237,650<br>.......... |

Motorcar Benefit *[Manfaat Kereta]*

| Cost of Car When New [*Kos Kereta Baru*] (RM) | Annual Value of Benefit [*Manfaat Setahun*](RM) | Fuel per Annum [*Minyak Setahun*] (RM) |
|---|---|---|
| Up to [*Sehingga*] 50,000 | 1,200 | 600 |
| 50,001 – 75,000 | 2,400 | 900 |
| 75,001 – 100,000 | 3,600 | 1,200 |
| 100,001 – 150,000 | 5,000 | 1,500 |
| 150,001 – 200,000 | 7,000 | 1,800 |
| 200,001 – 250,000 | 9,000 | 2,100 |
| 250,001 – 350,000 | 15,000 | 2,400 |
| 350,001 – 500,000 | 21,250 | 2,700 |
| 500,001 and above *[dan keatas]* | 25,000 | 3,000 |

Furniture Benefit *[Manfaat Perabut]*

| Category *[Kategori]* | Types of Benefit *[Jenis Faedah]* | Annual Value of Benefit *[Manfaat Setahun]*(RM) |
|---|---|---|
| i. | Semi-furnished with basic furniture. [*Berperabut-semi dengan perabut asas.*] | 840 |
| ii. | Semi-furnished with furniture in (i) plus one or more of the following: air-conditioner, curtains and carpet.[*Sebahagian berperabut dengan perabut (i) termasuk satu atau lebih yang berikut: pendingin hawa, langsir dan permaidani.*] | 1,680 |
| iii. | Fully-furnished [*Berperabut lengkap*] | 3,360 |

Annual allowance rate

| | | |
|---|---|---|
| i. | Office equipment, furniture and fittings, others [*Peralatan pejabat, perabut dan lengkapan, lain-lain*] | 10% |
| ii. | Plant and machinery (general) [*Kilang dan mesin (am)*] | 14% |
| iii. | Heavy machinery, motor vehicles [*Mesin berat, kenderaan bermotor*] | 20% |
| iv. | ICT equipment [*Peralatan ICT*] | 80% |

**Mukasurat ini sengaja dibiarkan kosong**

***[ This page is purposely left blank ]***

**Mukasurat ini sengaja dibiarkan kosong**

***[ This page is purposely left blank ]***